Okiku

Penulis **Ichiban**



Assalamualaikum kepada semua pembaca. Kisah ini adalah acah-acah fiksyen seram. Justeru disarankan kepada pembaca supaya relaks, duk bersandar, tidak perlu gelojoh, tidak perlu gopoh — selamat membaca...

Okiku : Ichi... ni... san...

Dalam keheningan malam, suara ini melantun ke dinding tebal istana Himeji dan bergema lagi ke kiraan seterusnya...

Okiku : Yon... go... roku...

Raja Tomaru sudah bangkit dan dadanya berdegup kencang mendengar suara Okiku.

Okiku : Nana... hachi... kyu... Aaarrggghhh!

Berbeza dengan juak-juak istana mereka ketakutan — lolongan panjang dari Okiku tidak menakutkan Sang Raja. Namun begitu, jiwa baginda sarat dengan kekesalan menusuk-nusuk rasa masyghulnya.



Wajah Okiku terbayang-bayang di minda — kejelitaannya, kesetiaannya, kejujurannya — Sang Raja mengeluh...

Toma : Tiada lagi Okiku.

Hanya yang ada ialah gangguan suara dan penampakan kelibat Okiku dalam bentuk *supernatural*.

Sang Raja rebah dibunuh

Okiku menghitung pinggan pusaka keturunan raja yang mulia — raja berketurunan Dewa Matahari. Wajah jelita Okiku kelihatan sangat ceria — sejak kecil dia berbakti kepada raja — tugasnya kini ialah menjaga harta pusaka istana — pekerjaan yang amat ia redhai.

Seharian Okiku sibuk — esok adalah hari temasya di-Raja — tentu saja nanti akan ada pelbagai hidangan. Untuk tujuan itu, pinggan pusaka dikeluarkan — dihitung satu demi satu dibersihkan sungguh berhati-hati. Okiku amat tekun memantau juak-juak istana yang bertugas.

Suki : Puan, semuanya sudah tersedia.

Suki memaklumkan kepada Okiku perkakas untuk jamuan raja sudah tersedia. Okiku cuma mengangguk dan memberi isyarat agar mereka semua beredar — hari sudah jauh malam — biarlah mereka berehat.

Okiku memutuskan untuk menggunakan laluan pintas ke biliknya — suasana ketika itu amat sunyi. Sebelum sampai ke biliknya, Okiku perlu melintasi

menara utama istana. Di sebelah menara itu pula ada gerbang yang dikenali sebagai Harakiri Maru — gerbang bunuh diri — ia adalah kawasan khas bagi para Ronin melakukan ritual membunuh diri sama ada secara sukarela mahupun terpaksa.

Di kawasan itu juga terdapat sebuah perigi — airnya digunakan untuk membersihkan darah Ronin yang melakukan harakiri. Terdapat banyak kisah yang menyeramkan berkaitan tempat ini, tetapi Okiku tidak mudah percaya kepada kisah seram dan mistik itu.



Tiba-tiba kaki Okiku berhenti melangkah — kelihatan kelibat di tepi perigi. Dejant Okiku berdebar bukan kerana takut, tetapi didorong oleh rasa ingin tahu — lebih-lebih lagi pakaian kelibat itu kelihatannya seperti bangsawan — bukan juak-juak istana. Secara senyap Okiku mengendap. Beberapa detik kemudian, datang pula tiga orang lagi bangsawan.

Mereka berempat berbisik tanpa menyedari Okiku berada di situ. Okiku baru saja ingin melangkah pergi menuju ke biliknya kerana menganggap mereka sekadar bertemu dan berbual biasa — sedangkan tempat

pertemuan itu sendiri mendatangkan kecurigaannya tup tup tup Okiku membatalkan hasratnya pabila nama raja disebut-sebut oleh mereka berempat.

Empat orang bangsawan itu kemudiannya bergerak dan diekori oleh Okiku. Mereka tiba di tempat agak terpencil dan jauh dari gerbang menara harakiri. Selepas berkata sesuatu dengan tegas, salah seorang daripada mereka beredar dengan pantas — di saat itu riak wajah Okiku amat pucat. Kali ini, jantungnya memang berdegup kencang kerana berasa takut.

Okiku berlari dengan pantas — arah tujunya ialah bilik khas sembahyang untuk Sang Raja. Baginda pasti berada di situ seperti kebiasaannya sebelum temasya diraikan keesokannya.

Pengawal menahan langkah Okiku — tiada siapa dibenarkan mengganggu raja. Okiku berkeras...

Okiku : Tuanku dalam bahaya. Apa engkau ingin bertanggungjawab jika Tuanku ditimpa musibah?

Pengawal agak ragu-ragu — siapa tidak kenal kepada Okiku — penjaga amanah pusaka istana yang jelita kerana ketegasan dan kecekapannya menggalas tanggungjawab itu. Namun pengawal itu tidak ingin dimurkai oleh Tomaru — Sang Raja yang mulia. Mereka berbalas kata, keadaan menjadi sedikit hingar-bingar.

Pintu terbuka secara kasar — Okiku dan pengawal tersebut kaku serta-merta — aura raja terasa dingin menerpa suasana. Renungan mata Sang Raja membuatkan kaki Okiku berasa lemah, malah terasa jarinya menggigil.

Diam membisu membuatkan suasana hingar-bingar tadi semakin canggung pabila Raja Tomaru muncul di hadapan mata.

Toma : Jika ia penting, katakan! Namun jika sebaliknya, bersedia sajalah dengan hukumannya.

Bagaikan guruh berdentum pabila Sang Raja bersuara lantang.

Okiku : Tuanku... Tuanku yang mulia.

Agak tergagap-gagap Okiku berkata-kata ketika melihat terjegilnya mata Sang Raja di hadapannya.

Okiku : Sungguh hamba yang kerdil ini membawa khabar yang tidak tertanggung. Jika Tuanku tidak mempercayai pada khabaran ini, maka hamba sedia dihukum — demi Tuanku sebenarnya.......

Wajah Raja Tomaru beriak terkejut — kemudiannya berubah menjadi marah. Khabar yang disampaikan oleh Okiku sukar dipercayai. Namun, bukankah Okiku adalah penjaga pusaka istana? Mana mungkin orang sebegini amanah mampu menipu daya?

Toma : Berani sungguh mereka ingin menggulingkan beta. Malah turut merencana pembunuhan beta di hari temasya! Adakah mereka lupa beta ini keturunan Dewa Matahari? Tidakkah mereka takut?!

Raja mengarahkan Okiku balik ke bilik. Baginda tidak menunjukkan sebarang reaksi percaya kepada apa yang disampaikan oleh Okiku — tidak juga baginda menyanggahnya — yang pastinya, esok baginda akan meraikan temasya di istana seperti lazimnya kemeriahan temasya pada musim-musim lalu.

Di awal fajar, Okiku bangkit — dia tidak dapat melelapkan mata — dejantnya gelisah lalu menggetus.

Okiku : Tidakkah baginda mempercayai daku?

Dejant Okiku dirundung runsing serta gundah-gulana. Okiku keluar daripada biliknya, bersedia untuk mempersiapkan pinggan pusaka untuk temasya kelak.

Kembang dada Okiku melihat Sang Raja memakai pakaian kemegahan dewa. Meskipun wajahnya ditutup — baginda tetap kelihatan megah. Baginda ditandu di persekitaran istana menuju ke menara utama istana Himeji.

Setibanya di kaki menara, suasana serta-merta menjadi kecoh. Tidak terlihat oleh mata, anak panah sudah berada tepat di dada Sang Raja. Bukan satu, tapi ada tiga anak panah tertusuk di dadanya — baginda

rebah serta-merta — darah merah pekat membasahi dadanya tanda baginda sudah tumpas.

Okiku sudah terjelepok, begitu juga dengan juak-juak istana, malah ada yang menjerit tidak henti-henti melihat Sang Raja sudah mangkat dalam suasana yang sungguh dahsyat.

Juak : Musibah apakah ini?

Juak-juak istana bertanya lagi dan lagi hingga suasana menjadi hingar-bingar.

Para bangsawan yang berpakat segera bertindak. Untuk meredakan suasana salah seorang daripada bangsawan menjerkah dengan suara keras...

Mato : Raja harus diganti segera. Kalau tidak, temasya tidak dapat dilakukan. Jika temasya tergendala — musibah pasti melanda!

Seperti dirancang, satu nama disebut-sebut untuk menggantikan takhta Raja Tomaru. Okiku tidak mempercayainya — di kala tubuh raja tidak bernyawa — terlentang di kaki menara, mereka sibuk mencari pengganti.

Suasana yang semakin reda menjadi kecoh kembali — malah makin dahsyat. 71 Ronin bertebaran melibas-libas pedangnya mencabut nyawa beberapa orang yang dikenal pasti sebagai pengkhianat, manakala empat orang bangsawan dikepung — hampir saja mata

pedang samurai mengena leher Si Mato. Terjegil mata Si Mato melihat seorang manusia yang teramat berdaulat sedang bengis berdiri di hadapannya.

Mato : Tomaru!!

Semua yang ada terkejut bukan kepalang. Sang Raja yang dipercayai menemui ajal tiba-tiba muncul di sebalik memakai pakaian Ronin dari pintu menara. Remang cahaya matahari di belakang menara membias ketika kemunculan baginda — megah, gagah, bengis, dan murka.



Perigi Okiku

Okiku dianggap sebagai wira. Para pengkhianat dihapuskan atas titah perintah Sang Raja. Sana sini rakyat menyanjung Okiku — Si Jelitawan pemegang amanah pusaka istana.

Tanpa sesiapa ketahui masih ada saki baki pengkhianat raja meneruskan hidup dengan bermuka-muka.

Ruto : Okiku harus membayar segala kegagalan penggulingan raja.

Lagi mengujakan, orang yang bertanggungjawab di atas kehancuran Okiku nanti ialah, Raja Tomaru yang diagung-agung.

Desas-desus cepat tersebar, Okiku dikurung di penjara bawah tanah — tuduhannya amat berat. Berat bagi raja dan keluarga di-raja hendak menghukum Okiku kerana pinggan pusaka telah hilang satu — saksi menyatakan Okiku telah menjualnya, malah beberapa pusaka istana lain juga hilang — semua tuduhan dan bukti menjurus kepada Okiku.

Hari ini ramai yang berkumpul di gerbang Harakiri Maru. Belum pun lama Okiku disanjung, sebentar sahaja lagi Okiku bakal dihukum dengan hukuman di luar perikemanusiaan.

Okiku menjerit sekuat mungkin menyatakan dirinya tidak bersalah kerana dianiaya. Sang Raja memandang Okiku dengan perasaan yang berbelah bahagi, tetapi bukti dan saksi cukup kuat — Okiku tidak mampu diselamatkan.

Pakaian Okiku rabak akibat diheret dari pekarangan istana hingga ke perigi di gerbang Harakiri Maru. Di hadapan perigi tersebut, raja menjatuhkan hukuman — sesuai dengan kesalahan Okiku.

Kaki Okiku dipotong terlebih dahulu — kemudian tangannya — Okiku masih bernyawa, darah memancut dengan deras. Penyeksaan hukuman ini tidak mampu

mengubat jiwanya yang kecewa — sanubarinya remuk apabila baginda tidak mempercayainya — raja yang dikasihi, raja yang disanjung, raja yang zalim!

Satu demi satu bahagian tubuh Okiku dipotong dan dibuang ke dalam perigi — suasana sunyi walaupun ramai yang melihat hukuman tidak berperikemanusiaan ini.

Jeritan Okiku sudah terhenti — nyawanya sudah terpisah daripada jasad — darah Okiku yang menyimbah lantai sudah dibersihkan.

Ufuk senja memancarkan warna kuning jingga yang luar biasa terang. Sang Raja masih tidak berganjak — matanya memandang perigi itu tidak terkalih ke lain dari tadi.

Toma : Perigi Okiku.

Sang Raja kelihatan masyghul ketika memandang perigi di hadapannya. Matahari semakin terbenam, remang kegelapan malam mulai tersebar.



Kurang satu! Aaarrggghhh!!

Okiku menghitung pinggan pusaka di tepi perigi dengan perasaan yang gembira. Dia amat suka kepada pekerjaannya sebagai penjaga amanah pusaka keturunan Dewa Matahari.

Okiku : Ichi... ni... san... yon... go... roku... nana... hachi... kyu... ... ... Kurang satu!

Okiku cemas dan gelisah pinggan yang dikira telah hilang satu.

Okiku : Bagaimana boleh kurang satu? Mana? Mana pinggan satu lagi? Aaarrrgghhhh!!

Okiku menjerit nyaring menembusi dinding tebal istana sehingga ke puncak menara istana lima tingkat.

 **Nota kaki**

1. Cerita ini hanyalah rekaan semata-mata, walaupun berdasarkan mitos "Perigi Okiku" di Jepun.

2. Selain daripada misteri Perigi Okiku, terdapat satu lagi misteri iaitu Patung Okiku Jepun, namun tiada kaitan di antara misteri perigi dan patung.

